

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN DR. ONG KIAN MING

[SERDANG]

TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan status Ops Qaseh dan bagaimana operasi ini telah membantu mengurangkan masalah gelandangan di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Ops Qaseh merupakan perancangan awal KPWKM untuk menangani masalah pengemis dan gelandangan. Pada hakikatnya, Kementerian melalui agensinya JKM telah sekian lama menjalankan operasi pengemis terutamanya di bandar-bandar besar seluruh negara. Terdapat tiga peringkat operasi pengemis iaitu Bersepadu, Berkala atau Berjadual dan Ad-Hoc (Serta merta). Operasi Bersepadu melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kesihatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan. Operasi ini biasanya diketuai oleh pihak PDRM dan dijalankan 4 kali setahun. Bagi Operasi Berkala atau Berjadual pula dijalankan oleh pihak JKM di peringkat daerah. JKM sebagai urusetia merangka jadual operasi dengan kekerapan sebulan sekali (ikut keperluan) yang melibatkan agensi-agensi

penguatkuasaan di peringkat daerah. Manakala Operasi Ad-Hoc (Serta merta) dijalankan segera oleh JKM apabila mendapat aduan dari individu atau masyarakat berkaitan kewujudan aktiviti pengemisan di premis atau persekitaran mereka.

Ops Qaseh adalah penambahbaikan Operasi Bersepadu yang akan dibuat dengan lebih menyeluruh, berterusan. Ops ini juga memastikan agensi-agensi penguatkuasaan terlibat mengambil bahagian secara aktif dan tindakan susulan sewajarnya terhadap kes-kes di bawah tanggungjawab mereka. Ops ini dijalankan bagi memastikan tiada lagi rakyat Malaysia mengemis dan berpelesenan di jalanan tanpa mendapat perlindungan yang sewajarnya. Kementerian akan bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan peringkat kementerian, jabatan dan pihak berkepentingan untuk menjayakan Ops Qaseh.

Usaha menyelamatkan pengemis dan gelandangan hendaklah dilihat dari sudut positif. Tindakan yang diambil bukan tujuan untuk menghukum, sebaliknya melindungi mereka yang tidak sepatutnya tinggal di jalanan.

Pegawai-pegawai dari agensi-agensi penguatkuasaan akan membuat saringan pengemis dan gelandangan ini untuk diambil tindakan mengikut bidang kuasa masing-masing. JKM menggunakan peruntukan Akta Orang Papa 1977 untuk mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan tidak berwaris atau waris tidak dapat dihubungi akan ditempatkan di Rumah-Rumah Orang Tua JKM. Bagi mereka yang berumur di bawah 60 tahun akan di tempatkan di Desa Bina Diri untuk menjalani program pemulihan dan kemahiran. Mereka yang sihat dan mempunyai keupayaan dan kemahiran tertentu akan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan bersesuaian dengan kemahiran yang ada.